



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 26

28hb Disember 2007

TAMBAHAN No. 155
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 433.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH KEANGGOTAAN MAHKAMAH TINGGI (PESURUHJAYA KEHAKIMAN) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (1) Pekara 122AB Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Keanggotaan Mahkamah Tinggi (Pesuruhjaya Kehakiman) 2007**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Ogos 2007.

Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman

2. Encik Azman bin Abdullah, Dato' Hinshawati binti Shariff, Tuan Haji Mohd. Yazid bin Haji Mustafa, Tuan Haji Zainal Azman bin Ab. Aziz, Puan Yew Jen Kie, Dato' Ahmadi bin Haji Asnawi, Encik Zamani bin A. Rahim dan Encik Ong Lam Kiat Vernon dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa mulai 13 Ogos 2007.

Dibuat 10 Disember 2007
[JK/MA 07 Jilid V; PN(PU²)171A/III]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

FEDERAL CONSTITUTION

CONSTITUTION OF THE HIGH COURTS (JUDICIAL COMMISSIONERS) ORDER 2007

In exercise of the powers conferred by Clause (1) of Article 122^{AB} of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong acting on the advice of the Prime Minister, after consulting the Chief Justice of the Federal Court, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Constitution of the High Courts (Judicial Commissioners) Order 2007**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 13 August 2007.

Appointment of Judicial Commissioners

2. Encik Azman bin Abdullah, Dato' Hinshawati binti Shariff, Tuan Haji Mohd. Yazid bin Haji Mustafa, Tuan Haji Zainal Azman bin Ab. Aziz, Puan Yew Jen Kie, Dato' Ahmadi bin Haji Asnawi, Encik Zamani bin A. Rahim and Encik Ong Lam Kiat Vernon are appointed to be Judicial Commissioners for a period of two years with effect from 13 August 2007.

Made 10 December 2007
[JK/MA 07 Jilid V; PN(PU²)171A/III]

By Command

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 434.

AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000

PERINTAH BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ)
(PINDAAN JADUAL KEDUA) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(1) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*], Perdana Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Pindaan Jadual Kedua) 2007**.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*] dipinda—

- (a) dalam subperaturan 6(2), dengan memasukkan selepas perkataan “memperakui” perkataan “dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas peraturan 54 Jadual yang berikut:

“Jadual

AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000

PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN

[Subperaturan 6(2)]

Perakuan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan

Kepada

Saya, seorang Pegawai Perubatan Kerajaan mengesahkan bahawa saya telah menjalankan pemeriksaan fizikal dan mental terhadap pegawai yang berikut:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

Pada: Di:

Berdasarkan pemeriksaan fizikal dan mental yang dijalankan dan keputusan ujian dadah pegawai yang tersebut di atas, saya memperakui bahawa**—

- (a) dia ialah seorang penagih dadah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [*Akta 283*].
- (b) dia adalah seorang yang menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan suatu dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*].
- (c) dia bukan seorang penagih dadah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 atau menggunakan dadah yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952.

Jenis dadah/dadah-dadah berbahaya* sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dilaporkan positif dalam keputusan ujian dadah pegawai yang tersebut di atas ialah:

.....

.....

Bersama-sama ini dikemukakan keputusan ujian dadah pegawai yang tersebut di atas bertarikh dan Nombor Rujukan Makmal

.....
(Tandatangan Pegawai Perubatan Kerajaan dan Cop Rasmi) Tarikh

* Sila potong mana-mana yang berkenaan
** Sila tanda/di mana berkenaan”.

Dibuat 15 November 2007
[JPA(PUU)(S) 353/9/1(1); PN(PU²)613]

DATO’ SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

STATUTORY BODIES (DISCIPLINE AND SURCHARGE) ACT 2000

STATUTORY BODIES (DISCIPLINE AND SURCHARGE) (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 23(1) of the Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000 [*Act 605*], the Prime Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) (Amendment of Second Schedule) Order 2007**.

Amendment of Second Schedule

2. The Second Schedule of the Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) Act 2000 [*Act 605*] is amended—

- (a) in subregulation 6(2), by inserting after the word “certifies” the words “in the form as prescribed in the Schedule”; and
- (b) by inserting after regulation 54 the following Schedule:

“Schedule

STATUTORY BODIES (DISCIPLINE AND SURCHARGE) ACT 2000

STATUTORY BODIES DISCIPLINARY REGULATIONS

[Subregulation 6(2)]

Certification by the Government Medical Officer

To
.....

I, a Government Medical Officer certify that I have carried out a physical and mental examination on the following officer:

Name:

Identity Card No.:

Address:

On: At:

Based on the physical and mental examination that was carried out and the drug testing result of the above-mentioned officer I certify that**—

- (a) he/she is a drug dependent as defined in the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 [Act 283].
- (b) he/she is using or consuming, other than for medicinal purposes a dangerous drug or abusing a dangerous drug which is listed in the First Schedule to the Dangerous Drugs Act 1952 [Act 234].
- (c) he/she is not a drug dependent as defined in the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 or a drug used of any drug that is listed in the First Schedule to the Dangerous Drug Act 1952.

The type of dangerous drug/drugs* as listed in the First Schedule to the Dangerous Drug Act 1952 that was found to be positive in the drug test result of the above-mentioned officer is:

.....

Enclosed herewith the drug tests result on the above-mentioned officer dated and the Laboratory Reference Number

.....
 (Government Medical Officer's Signature
 and Official Chop)

.....
 Date

* Please delete whichever is inapplicable

** Please tick, where applicable".

Made 15 November 2007
 [JPA(PUU)(S)353/9/1(1); PN(PU²)613]

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Prime Minister

P.U. (A) 435.

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN 2001**

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN
PEMBIAYAAN KEGANASAN (PINDAAN JADUAL PERTAMA) (No. 2) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [*Akta 613*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan Jadual Pertama) (No. 2) 2007**.

Pindaan Jadual Pertama

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dipinda dalam Jadual Pertama dalam Bahagian I dengan memasukkan selepas perenggan 30 perenggan yang berikut:

“31. Aktiviti yang dijalankan oleh pemberi pinjam wang yang didaftarkan di bawah Ordinan Pemberi Pinjam Wang [*Sarawak Bab 114*].

32. Aktiviti urusniaga logam berharga atau batu berharga yang dijalankan oleh syarikat yang diperbadankan menurut Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan perniagaan yang ditakrifkan dan didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*].”.

Dibuat 14 Disember 2007

[BNM. JUN. 1125/36/03; PN(PU²)622/IV]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKOP
Menteri Kewangan Kedua

**ANTI-MONEY LAUNDERING AND ANTI-TERRORISM FINANCING
ACT 2001**

**ANTI-MONEY LAUNDERING AND ANTI-TERRORISM FINANCING
(AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) (No. 2) ORDER 2007**

In exercise of the powers conferred by section 85 of the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 [*Act 613*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing (Amendment of First Schedule) (No. 2) Order 2007**.

Amendment of First Schedule

2. The Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 is amended in the First Schedule in Part I by inserting after paragraph 30 the following paragraphs:

“31. Activities carried out by a moneylender registered under the Money Lenders Ordinance [*Sarawak Cap. 114*].

32. Activities of dealing in precious metals or precious stones carried out by companies incorporated pursuant to the Companies Act 1965 [*Act 125*] and businesses as defined and registered under the Registration of Businesses Act 1956 [*Act 197*].”.

Made 14 December 2007

[BNM. JUN. 1125/36/03; PN(PU²)622/IV]

TAN SRI NOR MD. BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

P.U. (A) 436.

AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

PERINTAH KAEDAH-KAEDAH INSTITUSI PELAJARAN
(TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) (PINDAAN) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22(2) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [*Akta 174*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) (Pindaan) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2007.

Kaedah baru 7A

2. Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976 yang terdapat dalam Jadual Kedua kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 7 kaedah yang berikut:

“Kelakuan semasa peperiksaan**7A. Tiada pelajar boleh—**

- (a) mengambil apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Naib Canselor;
- (b) menulis, atau telah menulisnya melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;
- (c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- (d) menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.”.

Kaedah baru 8A

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 8 kaedah yang berikut:

“Larangan terhadap plagiarisme

8A. (1) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.

(2) Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah—

- (a) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau

(b) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subkaedah (2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia—

(a) menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;

(b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademiknya, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;

(c) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;

(d) memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;

(e) menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Universiti sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;

(f) mentranskripsikan idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;

- (g) menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau
- (h) memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa ubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusun semula idea itu dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.”.

Kaedah baru 26A

4. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 26 kaedah yang berikut:

“Hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib

26A. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh, pada budi bicaranya, sebagai ganti mengambil tindakan tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus, dengan amaran atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib di bawah perenggan 3(i), kaedah-kaedah 6, 21, 22, 23 dan 25 dengan kehadiran atau pendapat pihak berkuasa tatatertib:

Dengan syarat bahawa sebelum hukuman dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya peluang untuk membuat rayuan lisan berkenaan dengannya dalam tempoh tidak melebihi 5 hari kepada pihak berkuasa tatatertib itu.

(2) Setelah penganan hukuman yang tersebut dalam perenggan (1), pihak berkuasa tatatertib hendaklah, dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis bertulis mengenai hukuman yang dikenakan itu dalam suatu borang mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar, dan jika hukuman yang dikenakan itu ialah denda, peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.”.

Dibuat 24 Disember 2007
[KPT.U.(S)100-1/2/3; PN(PU²)365/III]

DATO' SERI HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Menteri Pelajaran

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Pengajian Tinggi

EDUCATIONAL INSTITUTIONS (DISCIPLINE) ACT 1976

EDUCATIONAL INSTITUTIONS (DISCIPLINE OF STUDENTS)
RULES (AMENDMENT) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by subsection 22(2) of the Educational Institutions (Discipline) Act 1976 [*Act 174*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Educational Institutions (Discipline of Students) Rules (Amendment) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 28 December 2007.

New rule 7A

2. The Educational Institutions (Discipline of Students) Rules 1976 in the Second Schedule of the Educational Institutions (Discipline) Act 1976, which are referred to as the “principal Rules” in this Order, are amended by inserting after rule 7 the following rule:

“Conduct during examination

7A. No student shall—

- (a) take any book, paper, document, picture or other things, except those authorized by the examiner, into or out of an examination room, or receive any book, paper, document, picture or other things from any other person while in the examination room, except that a student may, while he is in the examination room, receive from the invigilator such books, papers, documents, pictures or other things which have been recommended by the examiner or Board of Examiners, and authorized by the Vice-Chancellor;
- (b) write, or have it written by another person, any information or diagram which may be relevant to the examination he is sitting for, on his hand or on any other part of his anatomy, or on his apparel or clothing;
- (c) communicate with any other student during an examination by whatever means; or
- (d) cheat or attempt to cheat or conduct himself in a manner which can be construed as cheating or attempting to cheat in a examination, while the examination is being conducted.”.

New rule 8A

3. The principal Rules are amended by inserting after rule 8 the following rule:

“Prohibition against plagiarism

8A. (1) A student shall not plagiarize any idea, writing, data or invention belonging to another person.

(2) For the purposes of this rule, plagiarism includes—

- (a) the act of taking an idea, writing, data or invention of another person and claiming that the idea, writing, data or invention is the result of one’s own findings or creation; or
- (b) an attempt to make out or the act of making out, in such a way, that one is the original source or the creator of an idea, writing, data or invention which has actually been taken from some other source.

(3) Without prejudice to the generality of subrule (2), a student plagiarizes when he—

- (a) publishes, with himself as the author, an abstract, article, scientific or academic paper, or book which is wholly or partly written by some other person;
- (b) incorporates himself or allows himself to be incorporated as a co-author of an abstract, article, scientific or academic paper, or book, when he has not at all made any written contribution to the abstract, article, scientific or academic paper, or book;
- (c) forces another person to include his name in the list of co-researchers for a particular research project or in the list of co-authors for a publication when he has not made any contribution which may qualify him as a co-researcher or co-author;
- (d) extracts academic data which are the results of research undertaken by some other person, such as laboratory findings or field work findings or data obtained through library research, whether published or unpublished, and incorporate those data as part of his academic research without giving due acknowledgement to the actual source;
- (e) uses research data obtained through collaborative work with some other person, whether or not that other person is a staff member or a student of the University, as part of another distinct personal academic research of his, or for a publication in his own name as sole author, without obtaining the consent of his co-researchers prior to embarking on his personal research or prior to publishing the data;

- (f) transcribes the ideas or creations of others kept in whatever form, whether written, printed or available in electronic form, or in slide form, or in whatever form of teaching or research apparatus, or in any other form, and claims whether directly or indirectly that he is the creator of that idea or creation;
- (g) translates the writing or creation of another person from one language to another whether or not wholly or partly, and subsequently presents the translation in whatever form or manner as his own writing or creation; or
- (h) extracts ideas from another person's writing or creation and makes certain modifications without due reference to the original source and rearranges them in such a way that it appears as if he is the creator of those ideas.”.

New rule 26A

4. The principal Rules are amended by inserting after rule 26 the following rule:

“Summary disciplinary punishment by disciplinary authority

26A. (1) The disciplinary authority may at its discretion, in lieu of taking disciplinary proceedings under Part V, impose a summary disciplinary punishment of a reprimand or a fine not exceeding fifty ringgit upon any student who commits a disciplinary offence under paragraph 3(i), rules 6, 21, 22, 23 and 25 in the presence of or within the sight of such disciplinary authority:

Provided that before such punishment is imposed on the student, the disciplinary authority shall inform him of the disciplinary offence committed by him and give him an opportunity to make oral representations within a period of not exceeding 5 days in respect thereof to such disciplinary authority.

(2) Upon imposition of the punishment referred to in paragraph (1), the disciplinary authority shall forthwith deliver to the student a written notice of such imposition in such form as the Students' Affairs Officer may direct, and where the punishment imposed is a fine, the provisions of rules 63 and 64 shall apply.”.

Made 24 December 2007
[KPT.U.(S)100-1/2/3; PN(PU²)365/III]

DATO' SERI HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN
Minister of Education

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of Higher Education

P.U. (A) 437.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (No. 22) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2007**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 dan tahun taksiran yang berikutnya.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“amanah luar pesisir” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 [Akta 445]; dan

“syarikat luar pesisir” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Pengecualian

3. Menteri mengecualikan daripada cukai—

- (a) dividen yang diterima oleh suatu syarikat luar pesisir;
- (b) dividen yang diterima daripada suatu syarikat luar pesisir yang dibayar, dikredit atau diagihkan daripada pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti perniagaan luar pesisir atau, pendapatan yang dikecualikan daripada cukai;
- (c) pengagihan yang diterima daripada suatu amanah luar pesisir oleh benefisiari;
- (d) royalti yang diterima daripada suatu syarikat luar pesisir oleh orang bukan pemastautin atau suatu syarikat luar pesisir yang lain;
- (e) faedah yang diterima daripada suatu syarikat luar pesisir oleh orang bukan pemastautin (selain daripada faedah yang terakru kepada sesuatu perniagaan yang dijalankan oleh orang bukan pemastautin di Malaysia jika orang bukan pemastautin itu dilesenkan untuk menjalankan perniagaan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372], Akta Bank Islam 1983 [Akta 276], Akta Insurans 1996 [Akta 553] atau Akta Takaful 1984 [Akta 312]) atau suatu syarikat luar pesisir yang lain;

- (f) faedah yang diterima daripada suatu syarikat luar pesisir oleh orang pemastautin (selain orang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996 atau Akta Takaful 1984); dan
- (g) jumlah yang diterima daripada suatu syarikat luar pesisir oleh orang bukan pemastautin atau suatu syarikat luar pesisir yang lain, sebagai balasan kepada perkhidmatan, nasihat atau bantuan yang dinyatakan dalam perenggan 4A(i) dan (ii) Akta.

Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta

4. Bagi maksud subperenggan 3(b), perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, kepada amaun pendapatan yang dikecualikan kepada syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan bermastautin di Malaysia.

Ketidakkapaian

5. Seksyen yang berikut dalam Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini:

- (a) seksyen 109 berkenaan dengan royalti dan faedah yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(d) dan (e);
- (b) seksyen 109B berkenaan dengan bayaran yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(g); dan
- (c) seksyen 109C berkenaan dengan faedah yang dikecualikan di bawah subperenggan 3(f).

Pembatalan

6. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 1991 [P.U. (A) 161/1991] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2000 [P.U. (A) 99/2000] dibatalkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

Dibuat 18 Disember 2007
[Perb.CR (8.09) 681/2-61 (SJ.18) Vol. 5 (SK.17);
LHDN.01/35/(S)/42/51/231-12; PN(PU²)80/LII]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 22) ORDER 2007

In exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 22) Order 2007**.

(2) This Order shall have effect from the year of assessment 2007 and subsequent years of assessment.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“offshore trust” shall have the meaning assigned thereto by the Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990 [Act 445]; and

“offshore company” has the meaning assigned to it in the Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990.

Exemption

3. The Minister exempts from tax—

- (a) dividends received by an offshore company;
- (b) dividends received from an offshore company which are paid, credited or distributed out of income derived from an offshore business activity or, income exempt from tax;
- (c) distributions received from an offshore trust by the beneficiaries;
- (d) royalties received from an offshore company by a non-resident person or another offshore company;
- (e) interest received from an offshore company by a non-resident person (other than interest accruing to a business carried on by a non-resident person in Malaysia where that non-resident person is licensed to carry on a business under the Banking and Financial Institutions Act 1989 [Act 372], Islamic Banking Act 1983 [Act 276], Insurance Act 1996 [Act 553] or Takaful Act 1984 [Act 312]) or another offshore company;
- (f) interest received from an offshore company by a resident person (other than a person licensed to carry on a business under the Banking and Financial Institutions Act 1989, Islamic Banking Act 1983, Insurance Act 1996 or Takaful Act 1984); and

- (g) amounts received from an offshore company by a non-resident person or another offshore company, in consideration of services, advice or assistance specified in paragraphs 4A(i) and (ii) of the Act.

Application of paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A of the Act

4. For the purposes of subparagraph 3(b), paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A of the Act shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount of income exempted to a company incorporated under the Companies Act 1965 [Act 125] and resident in Malaysia.

Non-application

5. The following sections of the Act shall not be applicable to the income exempted under this Order—

- (a) section 109 in respect of royalties and interest exempted under subparagraphs 3(d) and (e);
- (b) section 109B in respect of payments exempted under subparagraph 3(g); and
- (c) section 109C in respect of interest exempted under subparagraph 3(f).

Revocation

6. The Income Tax (Exemption) Order 1991 [P.U. (A) 161/1991] and the Income Tax (Exemption) Order 2000 [P.U. (A) 99/2000] are revoked with effect from the year of assessment 2007.

Made 18 December 2007
[Perb.CR (8.09) 681/2-61 (SJ.18) Vol. 5 (SK.17);
LHDN.01/35/(S)/42/51/231-12; PN(PU²)80/LII]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA